



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	11/9/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	KeTSA			

### *UniMAP kaji selidik tanaman hemp*

**Ara:** Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menjadi universiti awam pertama di negara ini menjalankan penyelidikan mengenai tanaman hemp (Cannabis sativa) sebagai produk pertanian yang berpotensi dibangunkan sebagai cabang ekonomi pada masa hadapan.

Naib Canselornya Prof Dr Zaliman Sauli berkata, UniMAP mengorak langkah dengan menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama sebuah syarikat iaitu MyUS Hemphouse Sdn Bhd yang berpusat di Kuala Lumpur bagi melakukan kajian terhadap produk itu.

“Seperti yang kita tahu,

tanaman hemp ini memerlukan pengawalan yang ketat di samping ia juga berupaya menjadi sumber ekonomi negara di masa hadapan kerana sudah ada negara maju yang membenarkan menggunakan hemp untuk dikomersialkan.

“MoU ini membolehkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dijalankan di UniMAP dan penekanan akan diberikan menerusi Institut Agroteknologi Les-tari (INSAT) di Sungai Chuchuh, Padang Besar di kawasan tanaman seluas 0.8 hektar,” katanya kepada pemberita selepas menandatangani MoU berkenaan,

di sini, semalam.

Terdahulu, Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail selaku Canselor UniMAP berkenan menyaksikan MoU antara Zaliman dan Ketua Pegawai Eksekutif MYUS Datuk Nelsen Young itu.

UniMAP dan MyUS akan menjalankan penyelidikan mengenai prosedur dan aplikasi penanaman hemp serta memberi tumpuan kepada bahan-bahan berfungsi untuk pertanian terutamanya secara organik bagi meningkatkan produk pertanian negara.

“Dengan perjanjian ini, aktiviti penyelidikan menge-

nai penanaman ini dapat dilaksanakan dengan jayanya sekali gus hubungan universiti-industri dapat diertatkan dengan program kolaborasi penyelidikan yang dijalankan,” kata Zaliman.

MyUS merupakan satu daripada beberapa syarikat yang bekerjasama dengan kerajaan Malaysia untuk mendapatkan kebenaran menanam, memelihara dan mengurus pengeluaran tanaman hemp serta mengeluarkan produk berasaskan tanaman hemp yang inovatif untuk penggunaan fiber komposit, biodiesel, perubatan, terapi dan pemeliharaan kesihatan.

HM, 11 Sept  
2021\_18